

25/03/2002

Dr Jeffrey dinasihati terima keputusan ROS

SUBANG, Ahad - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menasihatkan Datuk Dr Jeffrey Kitingan supaya menerima keputusan Pendaftar Pertubuhan (ROS) yang memperakui Tan Sri Joseph Kurup sebagai Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs).

Timbalan Pengerusi Barisan Nasional (BN) itu berkata, langkah itu penting bagi mengelak pergolakan dalam PBRs daripada berterusan yang boleh menjejaskan keutuhan BN.

"Saya harap Datuk Dr Jeffrey akan dapat terima semua ini, kerana yang pentingnya ialah jangan menimbulkan pergolakan dalam PBRs, ia tak baik. Kita mahu semua parti komponen dalam BN, biarlah kukuh dan elok.

"PBRs juga kita mahu supaya menjadi satu parti yang kuat. Kekuatan parti komponen akan membantu kepada kekuatan BN. Jadi nasihat saya kepada Datuk Jeffrey supaya terima dan teruslah bergerak dan kerja untuk kekuatan parti," katanya selepas menyambut ketibaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Semalam, Pendaftar Pertubuhan Datuk Ismail Dollah Harun berkata keputusan memperakui Kurup sebagai Presiden PBRs yang sah dicapai setelah ROS meneliti laporan kongres tahunan parti yang dikemukakan berasingan oleh Kurup dan Dr Jeffrey.

Ismail berkata, pemilihan Kurup sebagai presiden PBRs dalam kongres tahunan parti itu Januari lalu adalah sah mengikut perlembagaan parti.

Krisis kepemimpinan dalam PBRs, sebuah parti Kadazandusun dalam BN tercetus Januari lalu apabila perwakilan yang menyokong Kurup dan Jeffrey mengadakan pemilihan berasingan dan memilih kedua-dua pemimpin itu sebagai presiden parti.

Abdullah juga berkata, ROS sudah menerima laporan mesyuarat agung tahunan PBRs dan mendapati pemilihan Kurup pada pemilihan parti itu dijalankan mengikut perlembagaan.

Ditanya sama ada keputusan ROS itu akan memberi pengajaran kepada sesiapa saja yang cuba mengambil alih kepemimpinan parti secara tidak sah, beliau berkata sesiapa saja perlu mematuhi perlembagaan parti.

"Ya lah, kalau tak betul, tidak menepati dengan kehendak perlembagaan, maka tentu sekali dia tak dapat terima. ROS akan menentukan sama ada seseorang itu mengikut perlembagaan dan dapat diterima atau tidak.

"Dalam hal PBRs, apa yang dihantar (kepada ROS) itu termasuk pemilihan yang memberi kemenangan kepada Tan Sri Joseph Kurup dan kawan-kawannya adalah menepati kehendak perlembagaan," katanya.

Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamad Rahmat gembira dengan keputusan ROS kerana isu "dua presiden" dalam PBRs sebelum ini menyukarkannya membuat jempunan kepada parti itu apabila ada acara penting BN.

"Saya harap keputusan ini akan menstabilkan kembali parti itu dan keadaan politik di Sabah. Saya percaya keputusan ini akan dapat membantu menstabilkan politik Sabah demi pembangunan bagi kesejahteraan rakyat," katanya ketika ditemui di majlis yang sama.

Di KOTA KINABALU, Dr Jeffrey yang mengadakan mesyuarat khas bersama 22 ketua dan setiausaha bahagian parti, berkata akan menghantar bantahan kepada ROS berhubung keputusan itu.

Dr Jeffrey berkata, pihaknya berpendapat masalah itu harus diselesaikan mengikut perlembagaan parti kerana berdasarkan Akta Pertubuhan, ROS tidak berhak menentukan presiden, melainkan diminta berbuat demikian oleh parti atau apabila parti gagal menjawab surat tunjuk sebab dalam tempoh

ditetapkan.

"Kita akan menyerahkan surat bantahan secepat mungkin untuk meminta penjelasan. Ini kerana ROS dianggap bertindak di luar bidang kuasa apabila membuat keputusan itu," katanya.

Beliau Jeffrey juga mempertikaikan pengesahan Kurup sebagai presiden PBRS dan menganggap ROS membuat keputusan berasaskan laporan dan mesyuarat serta tidak menghantar kepadanya surat menyatakan bahawa pemilihannya tidak sah.

Mengenai mesyuarat agung luar biasa (EGM) anjuran kumpulan berkecuali parti itu pada 28 Mac ini, Dr Jeffrey berkata, ia akan diteruskan berdasarkan persetujuan ahli parti.

Dalam perkembangan berkaitan, Pengerusi Jawatankuasa Berkecuali PBRS, Datuk Laimun Laikim, menegaskan EGM akhir bulan ini tetap diteruskan kerana ia permintaan sebahagian besar perwakilan.

(END)